



Praktis Ekstra

Unit 1

Pilihan Bermoral Pilihan Saya

1. Tandakan (✓) pada pilihan bermoral dan (X) pada pilihan tidak bermoral berdasarkan pernyataan yang diberi. **TP1**

Pernyataan	(✓) / (X)
(a) Morris membuat keputusan untuk memilih kerjaya sebagai polis kerana pekerjaan tersebut dapat membantu negara mengurangkan kes jenayah.	
(b) Wai Hong telah terpengaruh oleh rakan-rakannya yang sering melanggar peraturan sekolah. Akibatnya, dia telah dibuang sekolah.	
(c) Alicia menjauhi rakan-rakannya yang suka merokok dan mengambil minuman keras untuk menghindarkan diri daripada terlibat dalam gejala tersebut.	
(d) Wen Check telah tersalah memilih jurusan semasa menyambung pelajarannya. Hal ini menyebabkan dia sukar untuk mendapatkan pekerjaan.	
(e) Gilbert tidak mendengar nasihat ibunya supaya meninggalkan perempuan yang dipilihnya sebagai isteri kerana perempuan tersebut bukan perempuan yang baik.	
(f) Ibu Tina selalu menasihatinya agar menjaga batas pergaulan, tetapi tidak diendahkannya. Akibatnya, dia telah mengandung.	
(g) Aiman tidak dapat membuat keputusan untuk memilih jurusan yang akan diambilnya di universiti nanti. Oleh yang demikian, dia terlepas untuk mengisi borang permohonan ke universiti.	
(h) Devi telah lari dari rumah apabila ibu bapanya melarangnya bercinta dengan seorang lelaki, kini dia tiada tempat perlindungan yang selamat.	
(i) Zainal mula berjinak-jinak dalam aktiviti lumba haram dan merokok akibat terpengaruh oleh rakan-rakannya.	
(j) Fariha telah menolak lamaran seorang lelaki kerana mahu menumpukan perhatian terhadap pelajaran dan mencapai cita-citanya.	
(k) Sim Kai sangat kecewa apabila gagal untuk melanjutkan pelajarannya ke London. Setelah bapanya memujuknya, akhirnya dia bersetuju untuk menyambung pelajaran di universiti tempatan sahaja.	

2. Jelaskan keperluan membuat pilihan bermoral berdasarkan aspek yang berikut. TP2

Keperluan membuat pilihan bermoral	Pemilihan kerjaya	_____

	Pemilihan jurusan pengajian	_____

	Pemilihan sahabat	_____

	Pemilihan pasangan hidup	_____

